

Risiko, kandungan shisha stick perlu dikaji segera

Kementerian Pendidikan sudah mengarahkan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan pengetua sekolah supaya memantau pelajar bagi mengelak golongan itu terjebak dalam penggunaan shisha stick atau rokok elektronik. Ditetapkan bahawa pelajar yang menghisap shisha stick melakukan kesalahan sama seperti merokok di kawasan sekolah. Kemunculan dan penggunaan shisha stick hingga menjadi trend dalam kalangan pelajar dan golongan muda jelas menimbulkan kebimbangan ibu bapa yang khuatir kemungkinan produk itu mengandungi dadah yang boleh merosakkan kesihatan mereka. Malah, ada pakar menyarankan supaya pihak berkuasa mengharamkan penjualan shisha stick kepada mereka yang berumur di bawah 18 tahun. Kebimbangan utama bagi ibu bapa dan masyarakat ialah perbuatan menghisap shisha stick akan membawa kepada tabiat lebih serius iaitu menjadi perokok tegar. Selain itu, shisha stick difatwakan haram sama seperti fatwa pengharaman shisha biasa oleh Majlis Fatwa Kebangsaan pada tahun 2013. Setakat ini apa yang diketahui ialah shisha stick mengandungi tiga bahan utama iaitu propilena glikol, glicerin dan air serta perasa buah-buahan yang biasanya ditemui dalam industri pembuatan makanan. Kita memerlukan pakar dan Jabatan Kimia Malaysia membuat kajian bagi mengesahkan kandungan sebenarnya. Kita wajar memastikan sama ada shisha stick itu turut mengandungi unsur seperti tar dan nikotin dalam bentuk cecair yang boleh menyebabkan ketagihan, menjejaskan kesihatan, malah membawa kematian.

Sehubungan itu, penggunaan shisha stick tentu membimbangkan jika merujuk kepada kajian Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) terhadap shisha. Akhbar Britain pada tahun 2013 memetik kajian WHO sebagai menyatakan bahawa kadar asap yang disedut dalam sesi shisha selama satu jam sama seperti menghisap 100 hingga 200 batang rokok. Sementara itu, kajian Royal University di Arab Saudi pula menyatakan bahawa pakar negara itu menemui 142 bahan kimia dalam asap shisha. Tentu masyarakat menerima prinsip bahawa mencegah lebih baik daripada merawat. Kita perlu beri perhatian apa yang disuarakan oleh Pakar Kimia Organik, Petrokimia dan Pemangkinan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Taufik Yap Yun Hin, bahawa selain meningkatkan penguatkuasaan, satu lagi perkara yang perlu diketahui dengan pasti ialah kandungan sebenar shisha stick. Kita sepatutnya menyegerakan kajian saintifik terhadapnya sekalipun belum ada negara termasuk negara maju yang cuba mendedahkan kandungan sebenar produk berkenaan kepada umum. Jika hanya berdasar kepada rasional akal, menghisap asap bersumberkan air seperti shisha stick mungkin lebih baik daripada menghisap rokok mengandungi lebih 4,000 bahan kimia. Cuma, shisha stick adalah produk baharu dan belum diuji untuk ditentukan sejauh mana ia selamat kepada pengguna. Langkah Kementerian Pendidikan mengawasi pelajar dalam isu ini selagi belum ada pihak dapat mengesahkan produk berkenaan selamat adalah sesuatu yang patut disokong.